

Tiada hasrat temui Bush

KUALA LUMPUR 2 Ogos – Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak berhasrat menemui Presiden Amerika Syarikat (AS), George W. Bush ketika ini seperti mana yang dilaporkan sebuah majalah asing baru-baru ini.

Tegas Perdana Menteri, bagaimanapun beliau tidak menolak bertemu dengan Bush pada masa akan datang jika berpeluang tetapi ia bergantung kepada keadaan.

Katanya, adalah perkara biasa pemimpin negara bertemu pemimpin asing tetapi dalam isu “pertemuan beliau dengan Bush” tidak wujud langsung permintaan mengenainya.

“Persoalan di sini ialah tidak ada permintaan untuk bertemu (dengan Bush).

“Kalau ada peluang, kita (bersama dengan Bush) akan berjumpa tetapi kalau tidak berpeluang, tak mengapa,” katanya pada majlis Dialog Perdana Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di IKIM di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan majalah *Far Eastern Economic Review* (FEER) bahawa pegawai AS hanya akan memberi kebenaran kepada Dr. Mahathir bertemu Bush jika beberapa syarat dipenuhi.

Antara syarat itu termasuk kebenaran kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim menjalani rawatan di luar negara dan membebaskan enam pemimpin Parti Keadilan Nasional yang ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).